

NILAI-NILAI MURNI DALAM PENGAJARAN KURSUS MATAPELAJARAN PENGAJIAN UMUM (MPU) DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM): SATU TINJAUAN

Noor Syahida Md Soh^{1*}, Mahfuzah Mohammed Zabidi², Huzaimah Ismail³

¹Pusat Asasi, Universiti Teknologi MARA Selangor, 43800 Dengkil

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Johor, 81750
Pasir Gudang

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Selangor,
40450 Shah Alam

*Corresponding Author: noors8233@uitm.edu.my

Abstrak: Sesuai dengan sistem pendidikan negara yang telah berubah mengikut peredaran masa dan kemajuan teknologi, pengenalan terhadap Pendidikan 5.0 bagi seluruh sistem UiTM mula mengambil tempat dalam memacu pendidikan berkualiti. Pendidikan 5.0 yang diperkenalkan di UiTM merangkumi unsur Pendidikan 4.0 dengan memberikan penekanan terhadap nilai-nilai dan pemikiran masa hadapan yang progresif dalam diri pendidik dan pelajar. Dalam konteks Pendidikan 5.0, penerapan nilai murni dan prinsip-prinsip di dalam ekosistem pengajaran dan pembelajaran adalah sangat penting. Namun, kajian-kajian lepas mengenai penerapan nilai murni melalui pengajaran lebih tertumpu kepada guru-guru di sekolah berbanding pendidik di Institusi Pengajaran Tinggi (IPT). Merujuk kepada kepentingan penawaran subjek-subjek di bawah kursus MPU yang bermatlamat untuk menerapkan nilai murni serta membina jati diri pelajar, kajian ini akan membincangkan tentang apakah nilai-nilai murni yang diamalkan dalam pengajaran kursus MPU. Dapatkan kajian ini diperoleh melalui sesi temu bual tandom semi struktur yang telah dijalankan bersama dua orang informan pensyarah. Dapatkan telah dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik secara abduktif dengan memasukkan kod-kod nilai murni yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta menjalankan pengekodan terbuka. Kod-kod nilai murni yang dianalisis telah dikategorikan kepada matlamat utama Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu jasmani, emosi, rohani, dan intelek. Kategori-kategori ini pada akhirnya telah ditemakan secara induktif kepada nilai murni berbentuk afektif, nilai murni berbentuk kognitif, dan nilai murni berbentuk psikomotor.


Kata kunci: nilai murni, kursus MPU, pendidikan 5.0

Pengenalan

Di Malaysia, pendidikan yang dilalui oleh anak-anak warganegara adalah berpaksikan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai halatuju pendidikan negara. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menekankan konsep melahirkan manusia yang seimbang dari segi emosi, intelek, rohani dan jasmani. Merujuk kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (2019), matlamat FPK ini menjuruskan kepada kesepaduan pendidikan dengan penerapan nilai-nilai murni. Secara umumnya,

keseimbangan dan keharmonian yang terdapat dalam FPK akan dapat dicapai jika pelajar dapat merealisasikan nilai-nilai murni dalam kehidupan.


Terdapat 16 elemen nilai murni yang telah diterima sebagai nilai yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) (Norazri, 2015) seperti dalam **Rajah 1** berikut:



Rajah 1: 16 Nilai Murni dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Sumber: Norazri (2015)

Walaupun penekanan terhadap elemen nilai murni ada dinyatakan dalam kurikulum subjek MPU, namun begitu kajian tentang aspek nilai kurang diberi perhatian dan lebih banyak memfokuskan kepada aspek motivasi, sikap dan kepercayaan (Nurazidawati & Kamisah, 2019). Sedangkan aspek nilai merupakan domain afektif yang paling stabil (Maio et al. 2003; Nik Azis & Ruzela 2013). Tambahan itu, domain kognitif lebih ditekankan serta diutamakan dalam sistem pendidikan, berbanding domain afektif. Aspek nilai murni pula tidak dinilai dalam peperiksaan kebangsaan dan diabaikan dalam pendidikan (Nurazidawati & Kamisah, 2019). Selain itu, objektif kognitif lebih difokuskan sebagai maksud untuk mencapai matlamat afektif (Seah & Bishop 2000). Ini menyebabkan pendidik tidak melaksanakan penerapan nilai murni secara serius, tetapi menerapkannya secara tersirat dalam pengajaran tanpa disedari oleh pelajar. Justeru, kurangnya penerapan nilai murni oleh pendidik dalam pengajaran menyebabkan nilai murni yang diterapkan kepada pelajar juga berada pada tahap sederhana (Norazri, 2015 & Mohamad Khairi, 2014). Hal ini akan menyebabkan kurangnya penghayatan terhadap kepentingan nilai-nilai murni, malah matlamat untuk menerapkan nilai murni kepada pelajar menjadi kurang berkesan. Menurut Saharia (2015), pembangunan insan yang seimbang dan holistik tidak akan meminggirkan mana-mana aspek bahkan akan digabung jalinkan agar dapat melahirkan insan yang mempunyai pegangan agama, nilai-nilai murni serta berkemahiran. Rajah 2 menerangkan kerangka pembangunan insan yang menggabungkan pembangunan kognitif, afektif dan psikomotor.



Rajah 2: Pembangunan insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)

Sumber: Saharia (2015)


Sistem pendidikan negara yang telah berubah mengikut peredaran masa dan kemajuan teknologi menggalakkan pengenalan terhadap Pendidikan 5.0 bagi dalam memacu pendidikan berkualiti, khusunya di UiTM. Pendidikan 5.0 yang diperkenalkan di UiTM merangkumi unsur Pendidikan 4.0 dengan memberikan penekanan terhadap nilai-nilai dan pemikiran masa hadapan yang progresif dalam diri pendidik dan pelajar. Dalam konteks Pendidikan 5.0, penerapan nilai murni dan prinsip-prinsip di dalam ekosistem pengajaran dan pembelajaran adalah sangat penting. Namun, kajian-kajian yang lepas mengenai penerapan nilai murni melalui pengajaran lebih tertumpu kepada guru-guru di sekolah berbanding pendidik di institusi pengajian tinggi. Merujuk kepada kepentingan penawaran subjek-subjek di bawah kursus MPU yang bermatlamat untuk menerapkan nilai murni serta membina jatidiri pelajar, kajian ini akan membincangkan tentang apakah nilai-nilai murni yang telah diamalkan dalam pengajaran kursus MPU.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk deskriptif kerana ianya dijalankan untuk menganalisis nilai-nilai murni yang diamalkan dalam pengajaran kursus MPU. Sampel kajian ini terdiri daripada dua orang pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari berjawatan tetap yang terlibat dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran kursus-kursus MPU kelompok U1 di negeri Selangor sahaja. Kaedah pensampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan, informan yang dipilih adalah dalam kalangan informan yang boleh memberikan maklumat atau pengalaman yang diperlukan dalam sesebuah kajian (Bernard, 2011). Pemilihan informan pula dibuat berdasarkan kriteria pensyarah yang telah mengajar kursus MPU melebihi tempoh lima tahun. Pemilihan ini dibuat atas faktor mereka tidak lagi dikategorikan sebagai pendidik atau guru novis.

Penyelidik menggunakan kaedah analisis temu bual tandem separa berstruktur melalui penggunaan perisian *ATLAS.ti9* bagi menghasilkan kod-kod nilai murni yang telah digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Data telah dianalisis menggunakan kaedah tematik. Analisis Tematik adalah kaedah untuk mengenal pasti, menyusun, dan memberikan pandangan secara sistematik mengenai corak makna (tema) merentasi set data (Braun, V. & Clarke, V. 2012). Data yang telah dianalisis akan dikumpulkan mengikut tema yang tertentu untuk dibincangkan mengikut objektif kajian yang telah dibina, iaitu untuk mengkaji nilai-nilai murni yang diamalkan dalam pengajaran kursus MPU. Penghasilan tema pula diterjemahkan dalam bentuk visual bagi memudahkan penyelidik untuk membuat tafsiran data kualitatif (Othman, 2019). Kaedah ini digunakan bertujuan untuk melihat dan menganalisis bentuk-bentuk nilai murni yang telah diamalkan dalam pengajaran kursus MPU. Tiga tema yang berhasil berdasarkan analisis yang telah dijalankan akan dibentangkan dalam dapatan kajian iaitu; nilai murni berbentuk kognitif, nilai murni berbentuk afektif, dan nilai murni berbentuk psikomotor.

Dapatan Kajian



Rajah 3: Nilai-Nilai Murni yang diamalkan dalam pengajaran kursus MPU
Sumber: Penyelidik (2021)

Secara umumnya, semua informan telah mengamalkan nilai-nilai murni dengan baik melalui pengajaran kursus MPU. Rajah 3 menunjukkan rangkaian nilai-nilai murni yang diamalkan oleh para pensyarah dalam pengajaran kursus MPU. Kod-kod nilai murni yang dianalisis telah dikategorikan kepada matlamat utama Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu a) jasmani, b) emosi, c) rohani, dan d) intelek. Akhirnya, kategori ini telah ditemakan secara induktif mengikut pembahagian berikut: nilai murni berbentuk afektif, nilai murni berbentuk kognitif, dan nilai murni berbentuk psikomotor.

Nilai Murni berbentuk Afektif

Melalui analisis tematik yang dijalankan, terdapat dua kategori yang tergolong dalam nilai murni berbentuk afektif, iaitu nilai yang melibatkan emosi serta rohani. Melalui kategori nilai murni berunsurkan emosi, terdapat 13 kod nilai murni telah dikategorikan sebagai nilai murni berunsurkan emosi, iaitu: baik hati, berdikari, bertanggungjawab, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kejujuran, kerjasama, kesedaran, komunikatif, membimbing dan semangat bermasyarakat. Manakala, enam nilai murni pula telah dikategorikan sebagai nilai murni berunsurkan rohani iaitu: akhlak, amanah, keagamaan, kebebasan, kebersihan fizikal dan mental, dan kesyukuran.

Menurut Saharia (2015), pembangunan rohani dan emosi boleh dihubungkan dengan nilai afektif iaitu tentang perasaan dan kejiwaan. Melalui dapatan temu bual yang dijalankan, amalan nilai murni berbentuk afektif bagi kategori emosi ini melibatkan penyelesaian konflik pelajar, khususnya dalam pengendalian kuliah yang melibatkan pelajar dari pelbagai latar belakang, serta penghayatan nilai bagi memupuk sikap yang berdisiplin.

Kategori Emosi

a) Nilai Baik Hati

Nilai baik hati merupakan sikap mengambil berat terhadap perasaan dan kebajikan orang lain secara tulus dan ikhlas. Nilai ini meliputi aspek belas kasihan, bertimbang rasa, murah hati, saling memahami serta sedia memaafkan. Dapatan temu bual mendapati dalam aspek nilai baik hati, informan menunjukkan sifat empati yang tinggi ketika enangani konflik pelajar.

Antara perkara yang saya selalu lakukan, adalah untuk memastikan pelajar tadi kerap berkomunikasi untuk memastikan mereka juga dapat emm... mungkin meluahkanlah apa kegusaran mereka, kesulitan mereka, dari situ kita cuba dekati, dalam masa yang sama emm... menyuntik-lah sifat-sifat ihsan dalam kalangan.. dalam pembelajaran.

(12:54 ¶ 79 in Verbatim Informan 2)

b) Nilai Berdikari

Nilai berdikari merupakan kebolehan dan kesanggupan seseorang untuk melakukan sesuatu dengan inisiatif, usaha, keyakinan, dan keupayaan agar tidak bergantung dengan orang lain. Analisis temu bual mendapati, nilai berdikari diamal dan diterapkan oleh pensyarah melalui tugasan yang diberikan kepada pelajar. Pensyarah melatih pelajar untuk berdikari, khususnya dalam menentukan ahli kumpulan serta tajuk tugasan berkumpulan.

Biasanya saya minta pelajar selesaikan sendiri pemilihan ahli. Tapi kalau dia orang tak dapat, kita gunakan kuasa veto kita lah.

(10:30 ¶ 75 in Verbatim Informan 1)

c) Nilai Bertanggungjawab

Nilai bertanggungjawab dapat dilihat melalui kesanggupan seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugasan dengan sempurna. Melalui temu bual yang dijalankan bersama informan pensyarah, dapatkan menunjukkan amalan dan penerapan nilai bertanggungjawab ini sangat dititik beratkan oleh pensyarah bagi memastikan pelajar mengekalkan disiplin yang baik.

Jika benda tu tidak berlaku, saya akan minta supaya yang tidak buat kerja tu hubungi saya. Ataupun, paling keras saya akan bagi solution, siapa yang tak buat kerja, aa, namanya akan, saya benarkan digugurkan oleh orang yang buat kerja

(10:27 ¶ 75 in Verbatim Informan 1)

d) Nilai Hemah Tinggi

Nilai hemah tinggi sering dikaitkan dengan berbudi pekerti, tingkah laku mulia dan lemah lembut yang diamalkan oleh individu dalam hubungannya dengan masyarakat yang lain. Nilai hemah tinggi ini dapat dilihat melalui sikap yang sopan, beramah mesra serta mengakui kesalahan yang telah dilakukan. Dapatkan yang diperoleh dari temu bual pensyarah menunjukkan amalan nilai hemah tinggi ini ditekankan oleh pensyarah bagi membentuk keperibadian yang baik dalam diri pelajar. Ciri-ciri kesopanan, mengakui kesalahan serta ramah mesra dilihat telah diamalkan dengan baik oleh pensyarah dalam pengajaran kursus MPU.

So, kalau mereka rasa bertanggungjawab, mereka akan aaa... buatlah kerja yang patut mereka buat. Atau meminta maaf daripada ahli kumpulan yang buat kerja.

(10:28 ¶ 75 in Verbatim Informan 1)

Tapi ada jugak setengah-setengahnya kalau kita buat aktiviti secara ad-hock, kita akan minta pelajar tu buat aaa... pemilihan kawan secara... nilah. Mungkin random, supaya dia dapat berkenalan dan juga dapat suai kenal secara baik dengan pelajar

(12:19 ¶ 31 in Verbatim Informan 2)

e) Nilai Hormat-Menghormati

Nilai hormat-menghormati didorong oleh rasa kemuliaan seseorang dalam institusi sosial. Dari aspek nilai hormat-menghormati, analisis temu bual mendapati informan mengamalkan nilai hormat-menghormati sebagai cara untuk memelihara sensitiviti agama di kalangan pelajar yang berbeza etnik dan fahaman agama.

Yang penting kita tau apa limit kita, apa yang sensitive, apa yang tak sensitive, apa yang kitab oleh kata, apa yang tak boleh kata. Dan tidak salah untuk kita bertanya kepada mereka... Kita pun bukan tau belaka.

(10:15 ¶ 51 in Verbatim Informan 1)

Saya akan cuba buka beberapa aktiviti perbincangan, yang mana perbincangan tersebut yang boleh membuka mata mereka terhadap emm... perpaduan kaum... dan mungkin mengelakkan daripada terus menyentuh isu sensitif

(12:40 ¶ 59 in Verbatim Informan 2)

f) Nilai Kasih Sayang

Nilai kasih sayang pula merupakan perasaan cinta serta kasih sayang yang mendalam. Ianya terlahir dari hati tanpa unsur paksaan. Analisis temu bual menunjukkan pensyarah cenderung untuk menzhirkan nilai kasih sayang bagi menangani konflik yang berlaku dalam kalangan pelajar.

Tapi kita sebagai orang tua, kita kena bagitau mereka itu adalah masalah yang jika tidak ditangani, ia akan membawa kepada permasalahan yang lebih besar.

(10:32 ¶ 79 in Verbatim Informan 1)

Antara kes yang saya pernah alami, seorang pelajar saya nak tarik diri, namun saya sebutkan kepada dia punya colleague tu kita puju dia dulu. Sebab dalam tempoh ODL ni kebiasaannya banyaklah keringanan kepada pelajar.

(12:31 ¶ 51 in Verbatim Informan 2)

g) Nilai Keadilan

Nilai keadilan merupakan perasaan dan keputusan yang dibuat tidak berat sebelah. Ianya terikat dengan nilai kebenaran yang akan mendorong kepada perlakuan yang baik. Melalui analisis temu bual, dapatkan menunjukkan semua informan menerapkan nilai keadilan dalam pengajaran bagi menangani konflik pelajar dalam melaksanakan tugas berkumpulan. Pensyarah dilihat menggunakan pendekatan yang akan membawa kepada keadilan bagi kedua-dua pihak.

So, kalau mereka rasa bertanggungjawab, mereka akan aaa... buatlah, kerja yang patut mereka buat. Atau meminta maaf daripada ahli kumpulan yang buat kerja.

(10:28 ¶ 75 in Verbatim Informan 1)

Pendekatan saya, saya lebih memilih... emmm, macam mana kita panggil... pelajar yang saya ditugaskan untuk mengajar, dan saya minta mereka memilih bidang kajian yang dekat dengan mereka

(12:21 ¶ 31 in Verbatim Informan 2)

h) Nilai Kejujuran

Nilai kejujuran merupakan sikap yang menunjukkan niat baik, amanah dan ikhlas tanpa mengharapkan sebarang balasan. Ianya boleh ditonjolkan melalui percakapan yang benar serta tidak melindungi kesalahan. Dapatkan temu bual menunjukkan informan amat menggalakkan pelajar untuk bersikap jujur bagi menangani masalah dalam pengajaran dan pembelajaran.

Jika benda tu tidak berlaku, saya akan minta supaya yang tidak buat kerja tu hubungi saya. Ataupun, paling keras saya akan bagi solution, siapa yang tak buat kerja, aa, namanya akan, saya benarkan digugurkan oleh orang yang buat kerja

(10:27 ¶ 75 in Verbatim Informan 1)

Jadi saya ambik pendekatan buatkan satu borang... iaitu dari peer review, di mana apabila ada beberapa pelajar saya ni mengadu, mereka tidak dapat kerjasama yang baik daripada kawan. Bukan satu atau dua pelajar. Mostly dalam satu kelas tu mesti ada yang melakukan masalah tersebut. Berlaku masalah tersebut, maka saya ambik pendekatan buat borang untuk tengok review, peer review.

(12:29 ¶ 43 in Verbatim Informan 2)

i) Nilai Kerjasama

Nilai kerjasama merupakan usaha baik dan membina yang dilakukan secara bersama pada peringkat individu, komuniti, masyarakat atau negara untuk mencapai sesuatu matlamat. Nilai kerjasama dalam pengajaran kursus MPU dapat dilihat melalui tugas berkumpulan yang diberikan kepada pelajar. Melalui analisis dapatkan temu bual pensyarah, tugasan

berkumpulan ini dirasakan dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi serta memupuk nilai kerjasama di kalangan pelajar.

Kita... dalam pembahagian kumpulan, kita minta mereka mencari kawan yang boleh bekerjasama dengan mereka. So, kita galakkan mereka break the ice, supaya kalau enam orang tu bukan enam-enam orang tu di dalam satu kumpulan.

(10:16 ¶ 55 in Verbatim Informan 1)

Maka untuk pelajar.. aaa untuk subjek secara berkumpulan, kita mintak dia form dulu lah pada aa... pada pertemuan awal tu, mereka pilih sahabat mereka yang mereka selesa. A... itu adalah pendekatan saya

(12:17 ¶ 31 in Verbatim Informan 2)

j) Nilai Kesedaran

Nilai kesedaran adalah merupakan sikap yang tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan sama ada dalam bentuk pemikiran, perlakuan atau pertuturan supaya ianya sesuai dengan norma dan nilai masyarakat. Nilai kesedaran dapat ditonjolkan melalui sikap sederhana dalam menimbangkan kepentingan diri dan kepentingan orang lain. Melalui dapatan analisis temu bual, nilai kesedaran telah diterapkan sebagai kaedah untuk memastikan pelajar dapat menghayati nilai kehidupan beragama sebagai warganegara Malaysia.

Elemen yang seterusnya kita akan sentuh mengenai akhlak dan juga kita panggil budaya melayu, dan Islam, aaa.... yang tu yang saya akan kaitkan dengan isu semasa, dan kita akan minta mereka ulas supaya mereka dapat digest perkara tersebut sebagai perkara yang sangat penting perlu mereka fahami

(12:49 ¶ 71 in Verbatim Informan 2)

k) Nilai Komunikatif

Nilai komunikatif merupakan kemampuan untuk berkomunikasi, bertukar fikiran, menyampaikan atau mendapatkan informasi dari pihak lain. Hasil temu bual informan mendapati bahawa nilai komunikatif ini diamalkan serta diterapkan dalam tugas kerja lapangan berkumpulan. Respon dari informan menunjukkan bahawa nilai komunikatif dapat dipupuk apabila pelajar keluar untuk menjalankan tugas kerja lapangan dengan tujuan pengumpulan data.

So saya memang wajibkan aa.. kerja lapangan tu secara berkumpulan. Supaya mereka dapat memupuk semangat-semangat yang perlu ada dalam seorang manusialah. Kebolehan berkomunikasi

(10:60 ¶ 35 in Verbatim Informan 1)

l) Nilai Membimbing

Membimbing merupakan satu nilai di mana seseorang itu memandu seseorang yang lain dan menunjukkan sesuatu ke jalan yang benar. Melalui analisis dapatan kajian ini, hasil temu bual menggambarkan bahawa nilai membimbing telah diperaktikkan oleh pensyarah kursus MPU dalam pengurusan tugas pelajar.

Kita akan guide merekalah. Aaaa supaya er... yang dia buat tu ada manfaat untuk dia dan mencapai kursus, objektif kursus tu.

(10:24 ¶ 71 in Verbatim Informan 1)

Saya tak letakkan 100% kebebasan. Tetapi saya letakkan guideline, di mana kalau ada lebih kurang lapan bab yang ada tu, saya pastikan kesemua bab tu akan ada pemilik kajianya

(12:22 ¶ 35 in Verbatim Informan 2)

m) Nilai Semangat Bermasyarakat

Semangat bermasyarakat adalah merupakan kesediaan seseorang untuk melakukan sesuatu demi kepentingan bersama bagi mewujudkan keharmonian hidup dalam masyarakat. Nilai semangat bermasyarakat ini sering diterapkan dalam pengajaran melalui tugas berkumpulan. Dapatan analisa temu bual menunjukkan informan telah mempraktikkan nilai

semangat bermasyarakat dalam mengendalikan kuliah yang mempunyai pelajar dari pelbagai latar belakang.

Pemilihan kumpulan, adakalanya mereka ni kebanyakannya yang saya mengajar dari fakulti Business dan Health Science, mereka terbuka, dan kebiasaannya ada jugak yang memilih dari rakan-rakan yang sama. Jadi saya akan pastikan, supaya dia ada percampuranlah. Bukan hanya dari satu jenis etnik ataupun dari satu negeri yang sama
(12:44 ¶ 63 in Verbatim Informan 2)

Kategori Rohani

a) Nilai Kebebasan

Nilai kebebasan ini dapat dilihat dari sudut kebebasan untuk melakukan sesuatu perkara namun tertakluk kepada undang-undang yang ditentukan oleh agama, masyarakat dan negara. Nilai kebebasan dalam pengajaran kursus MPU ini dilihat banyak diterapkan dalam tugas pelajar. Analisis temu bual informan mendapati, amalan nilai kebebasan ini sering digunakan dalam pembahagian tugas pelajar. Pensyarah mengambil pendekatan untuk memberikan kebebasan kepada pelajar dalam pemilihan tajuk tugas, namun ianya tertakluk kepada persetujuan pensyarah.

Ada juga kita bagi kebebasan kepada mereka, aaa macam mana kita bagi kebebasan kepada mereka, maksudnya bila minggu pertama kita masuk, kita bagi taklimat berkenaan dengan PLO, CLO yang kita nak capai daripada kerja kursus ni, kemudian kita minta mereka untuk cari, tajuk-tajuk yang bersesuaian dengan kursus kita ni
(10:21 ¶ 67 in Verbatim Informan 1)

Dalam tajuk-tajuk bab tu, saya minta mereka cadangkan beberapa tajuk. Dalam masa yang sama saya juga ada beberapa cadangan tajuk, jadi kita try meetlah kriteria tu
(12:23 ¶ 35 in Verbatim Informan 2)

b) Nilai Kebersihan Fizikal dan Mental

Kebersihan fizikal merupakan kebersihan diri dan persekitaran. Manakala, kebersihan mental pula merangkumi pertuturan yang baik, perlakuan yang sopan, pemikiran yang sihat dan membina, serta kerohanian. Nilai kebersihan fizikal dan mental ini didapati telah diamalkan secara dinamik oleh para pensyarah. Analisis temu bual pensyarah mendapati, informan sentiasa memberi peringatan kepada pelajar agar menjaga tingkah laku serta memastikan pelajar dapat menjaga sahsiah rupa diri yang baik. Pensyarah turut mempraktikkan pengawalan emosi apabila perlu berhadapan dengan konflik pelajar.

Dan kita akan selitkan pada setiap, setiap chapter tu. Ada ruang, kita akan selitkan apa yang dia patut buat, apa yang tidak patut buat, dan kita relatekan dengan masalah-masalah kebejatan ataupun gejala-gejala sosial pada hari ni
(10:31 ¶ 79 in Verbatim Informan 1)

Dan juga dari sudut dia punya penampilan, aaa... sahsiah rupa diri, komitmen dalam kelas, termasuklah yang terbaru ni sewaktu ODL... kita ingatkan pelajar juga supaya beri komitmen.
(12:28 ¶ 43 in Verbatim Informan 2)

c) Nilai Kesyukuran

Nilai kesyukuran berkait rapat dengan perasaan dan perlakuan yang dilahirkan secara ikhlas di atas nikmat dan kesenangan yang diperoleh seperti berterima kasih, mengenang budi, dan penghargaan terhadap seseorang atau sesuatu. Dalam konteks kajian ini, nilai kesyukuran dapat dilihat dari aspek kesyukuran kepada Tuhan. Analisis temu bual pensyarah mendapati penerapan nilai kesyukuran dilakukan dengan menerapkan elemen-elemen rukun negara seperti kepercayaan kepada Tuhan, kesetiaan kepada Raja dan negara.

Kepercayaan kepada Tuhan, er... ketiga, keempat-empat subjek ni serba sedikit, dia bukanlah subjek agama, tetapi mereka ada banyak sangat berkait dengan agama yang

mana kita kena terapkan kepada kepercayaan kepada Tuhan yang pertama, kita tak nak ada golongan agnostic yang mempertikaikan unsur-unsur Tuhan tu, unsur-unsur Tuhan pulak dah, mempertikaikan Tuhan tu wujud ke, aaaa... ataupun atheist, golongan tidak bertuhan.

(10:18 ¶ 59 in Verbatim Informan 1)

d) Nilai Akhlak

Nilai akhlak dapat dikaitkan dengan amalan nilai-nilai akhlak mahmudah yang mana perlakuan seseorang itu dikaitkan dengan tuntutan dalam agama Islam. Melalui analisis temu bual, informan didapati menerapkan unsur kesopanan dan kesusilaan serta adab-adab yang patut diamalkan oleh pelajar. Informan turut memberikan contoh-contoh dari sirah Nabawiyyah sewaktu menyampaikan pengajaran bagi menerapkan nilai-nilai akhlak mahmudah dalam diri pelajar. Informan juga menekankan sifat tertib pada setiap perlakuan pelajar terutamanya apabila ia melibatkan hubungan di antara pelajar dan pensyarah.

Contohnya dari segi kehadiran kelas, kesopanan dan kesusilaan... adab-adab emm... menghubungi pensyarah, adab-adab kalau ada argument dengan pensyarah, if you tak setuju dengan saya, kita adakan perbincangan terbuka

(10:65 ¶ 47 in Verbatim Informan 1)

Pertamanya apabila saya dapat cuba menyampaikan ilmu tersebut, beserta dengan maklumat serta fakta yang juga kita panggil secara motivasi, kita akan memberikan mereka pendekatan agama... sebagai contoh dalam isu perpaduan kaum, kita juga akan menyentuh sejarah Rasul, di situ kita dapat menyuntik nilai-nilai dan juga akhlak mulia

(12:47 ¶ 71 in Verbatim Informan 2)

e) Nilai Amanah

Nilai amanah merupakan suatu sikap bertanggungjawab dalam melakukan sesuatu perkara sehingga mendapat kepercayaan dari orang lain. Penekanan nilai amanah dalam kursus MPU dilihat melalui amalan dan sikap pensyarah itu sendiri di samping bagaimana mereka sentiasa mengingatkan pelajar untuk mengamalkan nilai amanah dalam pembelajaran.

Dan kebiasaannya, minggu pertama saya akan selesaikan perkara-perkara penting, yang melibatkan course information, tugas, dan juga maklumat asas tentang rubrik subjek tersebut

(12:5 ¶ 27 in Verbatim Informan 2)

Sewaktu pertengahan semester juga akan di remind dan juga di akhir semester juga. kalau boleh kita akan sentiasa ingatkan mereka mengenai kehadiran.

(12:27 ¶ 43 in Verbatim Informan 2)

f) Nilai Keagamaan

Nilai keagamaan berkait rapat dengan konsep penghargaan yang diberikan oleh seseorang kepada beberapa isu utama dalam kehidupan beragama sehingga menjadi garis panduan kepada tingkah laku individu tersebut. Dalam konteks kajian ini, nilai keagamaan dapat dilihat melalui penekanan konsep beragama dalam setiap isu dan permasalahan semasa. Informan bersetuju tentang kepentingan untuk menerapkan nilai keagamaan dalam pengajaran. Mereka menggunakan contoh-contoh yang berkait dengan agama dalam menyampaikan pengajaran. Informan turut bersetuju kursus MPU yang ditawarkan ini turut mengandungi unsur-unsur keagamaan.

Kita bincang pasal adat dan kebudayaan Melayu, kita kait, minta pelajar kaitkan dengan perspektif Islam

(10:63 ¶ 39 in Verbatim Informan 1)

Keempat-empat subjek ni serba sedikit, dia bukanlah subjek agama, tetapi mereka ada banyak sangat berkait dengan agama yang mana kita kena terapkan kepada kepercayaan kepada Tuhan

(10:71 ¶ 59 in Verbatim Informan 1)

Nilai Murni Berbentuk Kognitif

Melalui analisis tematik yang dijalankan, nilai murni berbentuk kognitif telah dikategorikan sebagai nilai murni yang berunsurkan intelek seperti yang telah ditekankan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Norazri, 2015). Terdapat tiga kod nilai murni yang telah dikategorikan sebagai nilai murni berunsurkan intelek, iaitu: berdisiplin, keberanian, dan rasional.

Di Malaysia, sistem pendidikan disusun berdasarkan kurikulum yang memfokuskan kepada teori epistemologi (Saharia, 2015). Justeru, pembangunan intelektual masyarakat di Malaysia lebih menjurus kepada pembangunan kognitif. Maka, nilai-nilai murni berbentuk kognitif penting untuk diterapkan secara konsisten melalui pengajaran dan pembelajaran.

Kategori Intelek

a) Nilai Berdisiplin

Nilai murni berdisiplin dapat dikaitkan dengan sifat terancang yang ada pada diri seseorang. Nilai berdisiplin dapat dilihat melalui bagaimana seseorang meletakkan keutamaan sesuatu tugas terhadap tugas yang lain. Dalam konteks kajian ini, nilai berdisiplin dilihat telah diamalkan oleh pensyarah dalam merancang aktiviti pengajaran di sepanjang semester pengkuliahuan.

Sebelum saya mula pergi ke kuliah, saya akan menyediakan bahan-bahan pengajaran, termasuklah dari sudut filing, termasuklah dari sudut persediaan untuk saya membincangkan perkara-perkara penting dalam kuliah.

(12:8 ¶ 27 in Verbatim Informan 2)

b) Nilai Keberanian

Nilai keberanian merupakan kesanggupan seseorang untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah hati. Nilai keberanian dalam dapatan kajian ini mendapati ianya berkait rapat dengan kesanggupan seseorang pelajar untuk menyahut cabaran yang diberikan oleh pensyarah. Cabaran yang dimaksudkan ialah cabaran dalam mengurus sikap rakan sekumpulan sewaktu menjalankan tugas berkumpulan. Melalui analisis temu bual pensyarah, penerapan nilai keberanian ini sering berlaku ketika penyelesaian konflik dalam kalangan pelajar.

Mungkin pada peringkat awal saya akan minta pelajar yang mengadu kawan dia tak buat kerja tu untuk, emm... untuk, pujuk kawan mereka, bagi tugas apa

(10:26 ¶ 75 in Verbatim Informan 1)

c) Nilai Rasional

Nilai rasional merupakan kebolehan untuk berfikir berdasarkan bukti yang nyata serta kemampuan untuk mengambil tindakan atas pertimbangan yang wajar. Dapatan analisis temu bual pensyarah mendapati nilai rasional telah diterapkan melalui tindakan yang diambil oleh pensyarah bagi menangani konflik pelajar. Pensyarah bertindak sebagai fasilitator untuk membantu pelajar menangani konflik dalam menyelesaikan tugas berkumpulan.

So, kat situ solution yang kita tawarkan kena win-win situationlah. Aaa, kita tidak boleh menangkan mereka yang tidak buat kerja, dan kita kena dengar jugak cerita daripada pelbagai pihak. So, saya jadi orang tengahlah biasanya.

(10:25 ¶ 75 in Verbatim Informan 1)

Jadi mungkin dia mengalami stress, dan saya berikan dia peluang, saya minta juga sahabat dia memberikan peluang. Akhirnya mereka dapat atasi masalah tersebut
(12:33 ¶ 51 in Verbatim Informan 2)

Nilai Murni Berbentuk Psikomotor

Nilai murni berbentuk psikomotor telah dikategorikan sebagai nilai murni yang berunsurkan jasmani seperti yang telah ditekankan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Bagi memastikan usaha untuk membangunkan insan benar-benar berlaku, unsur-unsur kemanusiaan yang wujud dalam diri seseorang hendaklah dibangunkan seiring dengan perubahan zaman (Saharia, 2015). Terdapat hanya satu kod nilai murni yang dapat dikategorikan sebagai nilai murni berunsurkan jasmani iaitu, kerajinan.

Kategori Jasmani

a) Nilai Kerajinan

Kerajinan merupakan satu nilai di mana seseorang individu itu melakukan sesuatu dengan usaha yang berterusan, semangat ketekunan, kecekalan, kegigihan dan berdedikasi. Hasil temu bual pensyarah yang dijalankan mendapati nilai kerajinan ini diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran kursus MPU dengan menggalakkan latihan secara intensif. Ianya dapat meningkatkan kemahiran psikomotor pelajar dengan menggalakkan penggunaan ICT melalui pencarian soalan-soalan peperiksaan lepas di laman sesawang perpustakaan.

Semua bab-bab yang kita pelajari dan akan melakukan aktiviti semak peperiksaan subjek yang kita panggil EQPS aaaa apa akita panggil? Past question exam? haa... Bersama-sama dalam satu kumpulan emmmmm secara intensif. Aaa... Ini untuk memastikan kebersediaan pelajar

(12:14 ¶ 27 in Verbatim Informan 2)

Perbincangan dan Kesimpulan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesemua 16 aspek nilai murni yang telah digariskan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) (Norazri, 2015) telah pun diamalkan dalam pengajaran kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU). Namun, terdapat tujuh kod nilai murni baharu yang muncul melalui analisis temu bual yang telah dijalankan terhadap kedua-dua informan. Kod-kod nilai murni tersebut ialah: berdisiplin, bertanggungjawab, komunikatif, membimbing, keagamaan, amanah dan akhlak. Setiap nilai murni ini telah diterapkan oleh pensyarah sewaktu pengendalian kuliah, pengurusan tugas pelajar, dan penyelesaian konflik pelajar.

Pemetaan tema nilai murni berbentuk afektif, kognitif, dan psikomotor dilihat selari dengan penekanan adab dalam *Education5.0@UiTM* di mana ianya menumpukan kepada pembangunan pelajar yang holistik dan manusia yang baik (Norhapizah, 2021). Dapatan temu bual informan mendapati penekanan terhadap nilai murni berbentuk afektif adalah lebih tinggi berbanding nilai murni berbentuk kognitif dan psikomotor. Melalui Model A.D.A.B yang telah diperkenalkan oleh *Center for Innovative Delivery and Learning Development UiTM* (2021), pengaplikasian *Built-in Belief* semasa pengajaran dan pembelajaran dapat membina kepercayaan dan keyakinan pelajar untuk menghayati nilai. Malah, nilai semasa pengajaran dan pembelajaran secara maya pada masa kini lebih menjurus kepada aspek emosi dan rohani.

Sebagai penutup, kajian ini telah membincangkan nilai-nilai murni yang telah diamalkan di dalam pengajaran kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) di UiTM. Berdasarkan kepada dapatan temu bual terhadap dua orang informan bagi kajian ini, terdapat

tiga tema nilai murni yang telah dibincangkan, iaitu: nilai murni berbentuk afektif, nilai murni berbentuk kognitif, dan nilai murni berbentuk psikomotor. Hasil kajian ini dilihat selari dengan hasrat semasa UiTM dalam mengaplikasikan adab dalam pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan pelaksanaan *Education5.0@UiTM*. Maka, penerapan nilai-nilai murni melalui pengajaran kursus MPU adalah sangat penting untuk dijadikan sebagai teras dalam memastikan sistem pendidikan di Malaysia terus berkembang dan dapat melahirkan generasi masa hadapan yang lebih berkualiti.

Rujukan

- Bernard, H. R. (2011). Research methods in anthropology: Qualitative and quantitative approaches. Rowman Altamira
- Braun, V., & Clarke, V. (2012). *Thematic Analysis Thematic Analysis*, p . 2. 2, 57–71.
- Maio, G.R., Olson, J.M., Bernand, M.M. & Luke, M.A. 2003. Ideologies, values, attitudes and behavior. Dlm. Handbook of Social Psychology. New York: Kluwer Academic/Plenum Publisher.
- Mohamad Khairi Haji Othman. (2014). Hubungan Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Bahasa Melayu dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar. *Journal of Human Development and Communication*, 3(Special Issue), 81–92.
- Nik Azis Nik Pa & Ruzela Tapsir. 2013. Analysis of instruments measuring values of mathematics education. Procedia - Social and Behavioral Sciences, 90(2013): 449-457.
- Norazri Mohd Zaidin. (2015). Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Ke Arah Pembentukan Sahsiah Pelajar Di Kolej Kemahiran Tinggi Mara. In *Dissertation*.
- Norhapizah Mohd Burhan. (2021). *Pelaksanaan Model A.D.A.B Dalam Penyampaian Dan Pembelajaran Kursus Ctu Kaedah Biasa Dan Odl* (pp. 1–45). pp. 1–45. Center for Innovative Delivery and Learning Development.
- Nurazidawati Mohamad Arsal, & Kamisah Osman. (2019). Penerapan Nilai Murni Melalui Interaksi T-A-M dan Kitaran Pengajaran 5E dalam Modul Tauhidik STEM Kids Kids Module). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 67–82.
- Othman Talib. 2019. *Analisis Data Kualitatif dengan Atlas.ti8 Penerangan Lengkap Langkah Demi Langkah*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 21-45.
- Saharia Haji Ismail. (2015). Pembangunan Insan Dalam Falsafah. *Journal of Human Capital Development*, 8(2), 83–100.
- Seah, W.T. & Bishop, A.J. 2000. Values in mathematics textbooks: A view through two Australasian regions. Kertas kerja 81st Annual Meeting of the American Educational Research Association. Anjuran New Orleans.